

## **PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PROGRAM HOMESTAY BERASASKAN EKOPELANCONGAN KAJIAN KES KAMPUNG PINAGON BARU, ULU KIULU, TUARAN, SABAH.**

***COMMUNITY PARTICIPATION IN ECOTOURISM-BASED HOMESTAY PROGRAM:  
A CASE STUDY OF KAMPUNG PINAGON BARU, ULU KIULU, TUARAN, SABAH***

Siti Rahmah Galib<sup>1</sup> & Jalihah Md Shah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Faculty of Social Sciences and Humanities

Universiti Malaysia Sabah,

[sitirahmahgalib@gmail.com](mailto:sitirahmahgalib@gmail.com)

Corresponding author: Jalihah Md Shah (Email: [jalihah@ums.edu.my](mailto:jalihah@ums.edu.my))

Tarikh Diserah: 29 September 2023

Tarikh Diterima: 10 November 2023

### **ABSTRACT**

*The writing of this article is based on the involvement of community members in ecotourism-based homestay in the village of Pinagon Baru Ulu Kiuli Tuaran Sabah. The implementation of homestay in the village of Pinagon Baru Ulu Kiuli Tuaran Sabah is one of the tourism centers to attract tourists from within and outside the country. The involvement of community members in Ecotourism homestay can not only generate income but also open employment opportunities to the community, especially to the local community. In general, the implementation of homestay in Pinagon Baru village can attract the local community to get involved. This is because community involvement is one of the contributors to the national economy. Therefore, every development that is done requires the involvement of the community holistically. Moreover, the methods used in obtaining the data were qualitative. Furthermore, the findings of the study found that various factors motivate community members to engage in ecotourism-based homestay. Overall, the writing of this article tries to understand the level of involvement of community members in an ecotourism-based homestay in Pinagon Baru village, Ulu Kiuli, Tuaran Sabah which has a very comprehensive level of community involvement. Despite the challenges faced, the matter is not an obstacle to the implementation of homestay in the village of Pinagon Baru Ulu Kiuli, Tuaran Sabah. With the involvement in ecotourism, the local community will receive benefits in terms of economic and social. In the economic aspect, ecotourism will increase employment opportunities and income of the local community. Through community involvement in tourism activities, local communities will receive economic and social benefits.*

**Keywords:** *community involvement, level of community involvement, challenges in homestay*

## ABSTRAK

Penulisan artikel ini adalah berasaskan penglibatan ahli komuniti dalam homestay berasaskan ekopelancongan di kampung Pinagon Baru Ulu Kiuli Tuaran Sabah. Pelaksanaan homestay di kampung Pinagon Baru Ulu Kiuli Tuaran Sabah merupakan salah satu pusat pelancongan untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Penglibatan ahli komuniti dalam homestay Ekopelancongan bukan sahaja dapat menjana pendapatan, malah dapat membuka peluang pekerjaan kepada komuniti terutama sekali kepada komuniti setempat. Secara umum, pelaksanaan homestay di kampung Pinagon Baru dapat menarik minat komuniti setempat untuk terlibat. Hal ini demikian kerana, penglibatan komuniti merupakan salah satu penyumbang kepada ekonomi negara. Oleh itu, dalam setiap pembangunan yang dilakukan memerlukan penglibatan komuniti secara holistik. Selain itu, kaedah yang digunakan dalam memperoleh data adalah kualitatif. Seterusnya, dalam dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai faktor yang mendorong ahli komuniti untuk terlibat dalam homestay berasaskan ekopelancongan. Secara keseluruhan, penulisan artikel ini cuba untuk memahami tahap penglibatan ahli komuniti dalam homestay berasaskan ekopelancongan di kampung Pinagon Baru, Ulu Kiuli, Tuaran Sabah yang mempunyai tahap penglibatan komuniti yang sangat menyeluruh. Meskipun terdapat cabaran yang dihadapi namun perkara tersebut tidak menjadi halangan kepada pelaksanaan homestay di kampung Pinagon Baru Ulu Kiuli, Tuaran Sabah. Dengan penglibatan dalam ekopelancongan, komuniti tempatan akan menerima faedah dari segi ekonomi dan sosial. Dalam aspek ekonomi, ekopelancongan akan meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan masyarakat setempat. Melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan, komuniti tempatan akan menerima faedah dari segi ekonomi dan sosial.

**Kata Kunci:** penglibatan komuniti, tahap penglibatan komuniti, cabaran dalam homestay

## Pengenalan

Pelancongan menjadi semakin penting kerana industri ini dapat membantu dalam memperkembangkan ekonomi negara dan banyak menyumbang kepada pendapatan serta pertumbuhan sesebuah negara. Selain itu juga, industri pelancongan bukan sahaja dapat menjana pendapatan, malah menurut industri ini juga dipercayai dapat menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat terutama sekali kepada komuniti tempatan. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada komuniti tempatan dalam mempertingkatkan kualiti hidup mereka melalui peluang-peluang pekerjaan yang wujud dalam industri pelancongan ini. pelancongan juga dianggap sebagai satu industri yang besar dan mengalami pertumbuhan yang pantas di dunia (Scheyvens & Momsen, 2008).

Tosun memberi definisi penglibatan komuniti sebagai “satu bentuk tindakan sukarela yang melaluinya individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan” (Tosun, 2000:614). Penglibatan komuniti adalah satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka sendiri. Kementerian Pelancongan Malaysia (dahulu dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia) telah memperkenalkan Program Homestay dalam tahun 1988 sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong. Dalam program

ini, pelancong berpeluang untuk tinggal bersama keluarga tuan rumah yang menyertai program ini dan mengalami sendiri bagaimana tuan rumah menjalani kehidupan seharian mereka. (Kalsum Kayat, 2006). Penyertaan sebagai hos atau tuan rumah homestay dibuka, kepada semua penduduk Malaysia, namun kebanyakan homestay ditawarkan sebagai program komuniti, khususnya di kawasan luar bandar. Dalam industri pelancongan terdapat pelbagai jenis pelancongan yang terlibat. Namun dalam kajian ini, pengkaji akan lebih memfokuskan kepada pelancongan berasaskan komuniti iaitu aktiviti ekopelancongan alam semula jadi di kampung Pinagon Baru Ulu Kiulu, Tuaran Sabah. Pelancongan yang berasaskan kepada komuniti ini adalah bermaksud segala aktiviti pelancongan diuruskan dan dikembangkan oleh komuniti itu sendiri dengan persetujuan dan sokongan ramai.

Ceballos Lascurain (1988) menyatakan ekopelancongan sebagai penjelajahan sesuatu kawasan yang mempunyai tujuan spesifik seperti pengkajian, penghayatan serta menikmati persekitaran flora dan fauna yang pelbagai spesies. Di samping itu, ekopelancongan sebagai pelancongan juga dapat menggalakkan masyarakat dan pihak tertentu bertanggungjawab serta bertindak dalam menguruskan dan merancang pembangunan dengan sempurna bagi mengekalkan keseimbangan ekologi. Penganjuran aktiviti pelancongan yang terdapat di Kampung Pinagon Baru, adalah seperti *hiking*, *Fishing*, sungai, air terjun, malam kebudayaan dan jelajah kampung Pinagon Baru Ulu Kiulu Tuaran Sabah. Aktiviti-aktiviti ekopelancongan ini telah dirancang oleh penduduk Kampung Pinagon Baru untuk meningkatkan dan membangunkan kawasan kampung mereka dengan kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara.

Pelancongan yang berasaskan kepada komuniti ini juga mempunyai kepentingannya yang tersendiri di mana pelancong jenis ini disifatkan sebagai menghormati budaya, warisan dan tradisional komuniti tempatan.

## Sorotan Literatur

### *Definisi Konsep Utama Kajian*

#### i. Komuniti

Konsep komuniti adalah merujuk kepada kelompok-kelompok kecil masyarakat yang berada dalam satu-satu kawasan tertentu. Jika merujuk kepada epistemologi makna perkataan "Komuniti" adalah berasal dari bahasa Perancis kuno dipanggil "communité" yang asalnya dari bahasa Latin dipanggil "communitas" (cum, "dengan/bersama" + munus, "pemberian"). Secara umum komuniti mempunyai dua keadaan yang berbeza iaitu komuniti yang merujuk kepada perkongsian nilai-nilai yang sama dari sekecil-kecil unit seperti kampung kepada sebesar-besar unit seperti negara. Mohd Syarifudin bin Abdullah, Mansor Mohd Nor, Ahmad Rizal Bin Mohd Yusof & Faridah Binti Che Husain, 2017.

#### ii. Penglibatan komuniti

Tosun (2000), menyatakan penglibatan komuniti adalah satu proses dimana masyarakat berkerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya telah memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka

sendiri. Penglibatan komuniti memastikan bahawa keperluan dan aspirasi komuniti tersebut tidak diabaikan dan hasilnya ialah komuniti telah mendapat didikan dan seterusnya diperkasakan (Tosun, 2000: 615).

Timothy (1999), menerangkan bahawa penglibatan komuniti dapat dilihat daripada dua perspektif dalam proses membuat keputusan dan dalam bentuk faedah yang dibawa oleh pembangunan tersebut. Selain daripada dua perspektif penglibatan yang disebutkan oleh Timothy. Dengan mengikuti pembangunan pelancongan komuniti dapat mencapai matlamat mereka melalui penglibatan dalam program yang membawa faedah kepada kepada komuniti.

### iii. Aktiviti Pelancongan

Ekopelancongan merupakan salah satu produk pelancongan yang semakin popular dewasa ini yang telah diperkenalkan bukan sahaja di luar negara malah termasuk di Malaysia. Ekopelancongan telah diberi perhatian dan mula dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK ke-7) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK ke-8) dan dilaksanakan secara serius melalui penubuhan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (2016-2025) pada tahun 2015.

### iv. Komuniti setempat

Paul Spicker (1995) mendefinisikan komuniti sebagai sekumpulan komuniti yang dikaitkan dengan ciri atau budaya yang sama. Sekumpulan komuniti yang dihubungkan melalui hubungan sosial, komuniti yang tinggal di kawasan geografi terhad, komuniti yang mempunyai seksama minat dan kepentingan. Perkataan komuniti setempat ini boleh difahami dengan menggunakan perspektif geografi. Hal ini kerana keperluan asas bagi komuniti untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka adalah dengan menggunakan sumber-sumber yang dalam kawasan sekitar mereka iaitu alam sekitar.

### v. Program Homestay

Kementerian Pelancongan Malaysia (dahulu dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia) telah memperkenalkan Program Homestay dalam tahun 1988 sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong. Kalsum Kayat, (2006). Program Pengalaman Homestay Malaysia telah dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh.

Program ini merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha homestay yang telah berdaftar dengan MOTAC. Para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan lifestyle atau yang berunsurkan pengalaman. Kalsum Kayat, (2006).

## ***Perspektif Teori Kajian***

### *Pembangunan Pelancongan Mampan (Sustainable Tourism Development)*

Konsep *Sustainable Tourism* yang diperkenalkan oleh *World Commission on Environment and development* (WCAD di Brunlad Report pada tahun 1987), disebutkan bahawa,

“Sustainable development is development that meets the needs of present without compromising the ability of future generation to meet their own needs” . Dari pernyataan tersebut difahami bahawa Sustainable Development adalah bahagian dari pembangunan berkelanjutan dengan mempertimbangkan keperluan pada saat ini dengan tidak mengabaikan keperluan generasi yang akan datang.

Kebimbangan yang semakin ketara terhadap ancaman kemusnahan sumber alam sekitar dan warisan budaya melalui aktiviti pelancongan mencetuskan keutamaan penggunaan pendekatan pembangunan mampan dalam konteks penggubalan polisi, perancangan dan pembangunan pelancongan, Kalsum Kayat, 2006.

### *Tipologi Penglibatan Komuniti Oleh Pretty (1995)*

Penglibatan komuniti dalam ekopelancongan boleh dilihat dalam proses membuat keputusan dan bentuk faedah yang terhasil daripada aktiviti ekopelancongan tersebut. Penglibatan komuniti berupaya untuk menjana peluang pekerjaan, kemudahan sosial, meluasnya pengajaran tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar. Dalam pada itu, secara tidak langsung, penglibatan komuniti juga menyebabkan berlakunya perkongsian pengetahuan tentang kawasan setempat mereka dan sumber yang terdapat di sesebuah kawasan tersebut seperti sumber alam semula jadi dan budaya. Menurut Kalsom Kayat dan Nor Ashikin (2005),

Pretty (1995) telah membangunkan tipologi tentang penyertaan komuniti dalam pelancongan. Beliau membahagikan tahap penyertaan komuniti tempatan kepada tujuh kategori seperti berikut:

- i. Penyertaan manipulasi iaitu ahli komuniti menjadi wakil kepada pihak pentadbiran tetapi mereka tidak di undi dan tidak mempunyai kuasa dalam membuat perancangan dan keputusan.
- ii. Penyertaan pasif iaitu ahli komuniti hanya turut serta dalam pemberitahuan tentang perkara yang berlaku dan telah berlaku. Ia merupakan pengumuman daripada pihak pentadbir tanpa melibatkan maklum balas daripada komuniti setempat. Pada kebiasaannya, maklumat tersebut dikongsi antara profesional yang terlibat dalam projek berkenaan yang selalunya adalah orang luar.
- iii. Penyertaan secara perundingan iaitu pengkaji luar yang menentukan masalah dan alternatif penyelesaian, mendapat pandangan serta memperkenalkan beberapa penyesuaian terhadap maklum balas komuniti. Bagaimanapun, proses perundingan tidak memberi hak kepada komuniti untuk mempengaruhi pembuat keputusan. Pakar pembangunan yang turut serta dalam membuat keputusan tidak diwajibkan mengambil kira pandangan komuniti semasa membuat keputusan.
- iv. Penyertaan insentif iaitu komuniti didorong oleh insentif yang bakal diterima oleh mereka. Contohnya tenaga buruh diberi balasan berupa makanan, kewangan atau insentif berbentuk material yang lain. Penyertaan akan tamat sekiranya insentif tersebut tidak diteruskan.
- v. Penyertaan fungsian iaitu komuniti turut serta melalui pembentukan satu perkumpulan untuk memenuhi objektif yang berkaitan dengan penjimatan kos dalam projek yang akan dilaksanakan. Keputusan penting selalunya telah dibuat oleh agensi luar sebelum melibatkan komuniti tempatan.

- vi. Penyertaan interaktif dilihat sebagai penyertaan hak. Komuniti turut serta dalam mengekalkan struktur dan praktis projek pembangunan kerana mereka mengambil bahagian dalam membuat keputusan dan mempunyai hak dalam menentukan kegunaan sumber.
- vii. Penyertaan mandiri iaitu komuniti turut serta dalam projek pembangunan melalui insentif masing-masing tanpa penyertaan institusi luaran. Komuniti berupaya untuk membina rangkaian dan kenalan dengan institusi luaran untuk mendapatkan nasihat tentang kegunaan sumber dan teknikal yang diperlukan tanpa hilang kawalan penggunaan sumber kepada orang luar.

**Jadual 1.0: Tipologi Penglibatan oleh Pretty, 1995**

Bil.	Tipologi	Ciri-ciri
1.	Penglibatan manipulative	Pura-pura terlibat dengan penduduk, memegang jawatan dalam kumpulan perancang, tetapi tidak menerusi pemilihan. Dengan itu, tiada kuasa dalam membuat keputusan.
2.	Penglibatan pasif	Penduduk melibatkan diri setelah diberitahu mengenai keputusan yang telah dibuat oleh pengurusan luar. Maklum balas dari komuniti tidak diminta kerana lebih mengutamakan pendapat professional luar.
3.	Penglibatan melalui perundingan	Masih tiada kawalan daripada komuniti tempatan terhadap proses pembangunan pelancongan, perkongsian maklumat hanyalah sehalu, manakala professional tidak perlu menerima pendapat komuniti tempatan.
4.	Penglibatan bermotivasikan pulangan material	Melibatkan diri dengan menawarkan sumber (tenaga buruh) bagi mendapatkan makanan, wang dan insentif kebendaan yang lain.
5.	Penglibatan berperanan	Agensi luar melihat penglibatan komuniti merupakan pemangkin untuk mencapai objektif projek dan dapat mengurangkan kos. Penglibatan adalah dua hala dan melibatkan perkongsian dalam membuat keputusan tetapi penglibatan hanya terjadi setelah keputusan dibuat oleh pihak luar.
6.	Penglibatan interaktif	Penduduk terlibat dalam analisis projek dan pembentukan pelan tindakan. Penglibatan dilihat sebagai satu hak, bukan hanya sebagai ejen untuk mencapai matlamat projek. Kumpulan perancang mengawal keputusan penduduk tempatan dan menentukan bagaimana sumber yang ada digunakan. Dengan itu, mereka mempunyai kepentingan dalam memastikan struktur dan kaedah dipatuhi.
7.	Penglibatan sendiri	Penduduk sendiri mengambil inisiatif untuk menggerakkan projek pembangunan. Mereka menjalinkan hubungan dengan institusi luar untuk bantuan teknikal dan khidmat nasihat. Penglibatan jenis ini memerlukan kerangka sokongan daripada kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Sumber: Pretty, 1995 dalam Kalsom Kayat dan Nor Ashikin (2005)

Ketujuh-tujuh peringkat dalam Tipologi Pretty (1995), menerangkan hubungan kuasa antara komuniti setempat dan pihak luar dalam proses membuat keputusan. Selain itu, wujud penyertaan yang berbeza akibat daripada hubungan kuasa yang wujud dalam program pelancongan. Justeru, jelaslah bahawa program pelancongan yang dilaksanakan di sesuatu kawasan bergantung kepada penyertaan komuniti setempat kerana tanpa penyertaan komuniti, program pelancongan yang dijalankan tidak dapat dilaksanakan.

### **Ulasan Kajian Lepas**

Kalsum Kayat dan Nor Ashikin Mohd Nor (2006), dalam penulisannya *Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian ke Atas Program Homestay di Kedah*. Penglibatan ahli komuniti di dalam apa jua program pembangunan, termasuk program pembangunan pelancongan, adalah usaha dalam meningkatkan dalam pencapaian kelestarian pembangunan. Namun, dalam peringkat akar umbi terdapat kelompongan berkaitan bagaimana penglibatan ahli komuniti secara mendalam. Artikel ini membincangkan ciri-ciri penglibatan komuniti dalam program yang telah dirangka bagi membantu pembangunan komuniti berdasarkan kajian yang telah dilakukan di kedah. Kajian ini menghasilkan satu model untuk membantu kita memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti.

Rosazman Hussin dan Velan Kunjuran (2014), dalam artikel yang bertajuk *Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia (Sustainable community-based tourism (CBT) through homestay programme in Sabah, East Malaysia)*. Program homestay adalah salah satu aktiviti pelancongan yang berasaskan kepada penglibatan komuniti yang mempunyai potensi untuk berkembang dan membangunkan masyarakat luar bandar. Bagi menjayakan program ini, pihak yang terlibat khususnya pengusaha homestay perlu mengenal pasti langkah yang boleh memberi kepuasan pelancong dan pada masa yang sama bermanfaat kepada mereka. Beberapa langkah yang perlu di ambil perhatian oleh pengusaha homestay agar program homestay dapat di bangunkan. Pengusaha homestay turut berusaha dalam mengekalkan program homestay supaya dapat berterusan dalam jangka masa yang panjang. Artikel ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis tahap pelancong domestik di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah. Berdasarkan artikel ini, hasil kajian mendapati kesemua pelancong domestik berpuas hati terhadap kemudahan, perkhidmatan serta tahap keselamatan baik yang di sediakan oleh pengusaha homestay dan komuniti yang terlibat. Antara perkara yang utama dalam kajian ini dapat membantu banyak pihak termasuk pengusaha homestay bagi memudahkan program homestay berkekalan adalah dengan mengetahui keinginan para pelancong domestik.

Menurut Pauline Yong Pau Lin (2010), dalam penulisannya yang bertajuk *Penyertaan Komuniti Dalam Aktiviti Pelancongan dan Homestay di kampung Pukak Kiulu, Sabah*. Sektor pelancongan menjadi nadi pembangunan serta tulang belakang kepada ekonomi sesebuah negara, khususnya di negara sedang membangun seperti Malaysia. Justeru itu, tidak hairanlah sekiranya terdapat pihak-pihak tertentu yang berlumba-lumba untuk membangunkan sektor pelancongan agar dapat menjana kegiatan ekonomi di samping menambat hati para pelancong. Program *homestay* di Kampung Pukak adalah antara salah satu produk pelancongan yang menjadi tarikan pelancong yang terdapat di Daerah Kiulu, Tuaran, Sabah. Uniknyanya program tersebut adalah gabungan dua elemen di antara pelancongan berasaskan komuniti dan pelancongan lasak (sukan). Selain itu, persoalan yang

timbul adakah sektor pelancongan ini mampu menjana sektor ekonomi utama seperti kegiatan pertanian di kawasan luar bandar. Adakah komuniti secara keseluruhan menerima kesan positif dari segi sosioekonomi menerusi pelancongan homestay tersebut.


## Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif, Pendekatan kualitatif untuk mengumpul atau menjana data dalam persekitaran semula jadi dan menjelaskan fenomena sosial yang kompleks (Stewart dan Alison, 2014). Kaedah kutipan data yang digunakan dalam kajian ini adalah temubual mendalam, pemerhatian dan sumber data sekunder.

Dalam kajian ini, Kaedah analisis data kualitatif iaitu dengan menggunakan empat fasa. Yang pertama adalah Temu bual dirakam menggunakan alat perakam suara, kedua adalah mendengar semula rakaman dan membuat transkrip, ketiga membentuk tema dan sub tema daripada transkrip adalah melibatkan fasa dan yang keempat adalah memasukkan petikan temubual ke dalam tema dan Sub tema yang sesuai. Empat fasa ini menggambarkan empat peringkat yang terlibat dalam melakukan kaedah analisis data kualitatif. Nilai kebolehpercayaan yang tinggi bagi data kualitatif menurut Bogdan dan Biklen (2003) adalah juga melibatkan usaha pengumpulan data yang tersusun di lapangan. Bukti pelaksanaan pengumpulan data seperti temu janji, temu bual rasmi dan tidak rasmi, pemerhatian, dan pengumpulan dokumen adalah juga satu bentuk kebolehpercayaan yang tinggi.

Kajian ini telah dilakukan di Kampung Pinagon Baru Ulu Kiulu Tuaran dipilih sebagai kawasan kajian kerana lokasi ini aktif dalam menjalankan aktiviti ekopelancongan di kawasan luar bandar dan kawasan ini terletak di bahagian hulu Lembah Kiulu. Kampung Pinagon Baru Ulu Kiulu, Tuaran Sabah menjadi lokasi Kiulu Farmstay dan Homestay yang menawarkan percutian secara alami, khususnya sungai dan sosiobudaya masyarakat Dusun yang menghuni di kawasan berkenaan serta menawarkan sektor pekerjaan kepada penduduk kampung di sana.

**Rajah 1: kampung Pinagon Baru, Ulu Kiulu, Tuaran, Sabah**



Sumber: Google Maps



Kampung Pinagon Baru merupakan salah satu kampung yang terdapat di Ulu Kiulu, Tuaran, Sabah. Asal Usul nama kampung Pinagon Baru adalah daripada perkataan dusun iaitu Pagon yang bermaksud satu alat yang digunakan untuk mengikat dan menanda di pokok buah-buahan. Semasa zaman nenek moyang mereka kampung Pinagon Baru merupakan laluan diantara Ranau ke Tambunan, yang mempunyai banyak pokok buah-buahan. Kampung Pinagon Baru yang dahulu disebut sebagai laluan garam oleh orang Ranau penting bagi memudahkan masyarakat dahulu untuk melakukan perjalanan dalam masa yang singkat. Persekitaran kampung Pinagon Baru yang terletak dekat dengan sungai, ladang, dan air terjun, menjadikan persekitaran kampung Pinagon Baru mempunyai pemandangan yang sangat cantik dan berpotensi dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan di Ulu Kiulu, Tuaran, Sabah.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Sebelum adanya program homestay di kampung Pinagon Baru, segelintir daripada komuniti tidak mengetahui homestay, bagaimana pelancongan homestay dilaksanakan. Dalam sejarah kampung Pinagon Baru tidak mempunyai pengalaman dalam bidang pelancongan. Pada mulanya komuniti tidak memahami apakah itu homestay serta bagaimana pelaksanaannya. Setelah program homestay berasaskan ekopelancongan dilaksanakan di kampung Pinagon Baru, komuniti mula memahami secara perlahan-lahan. Maka dari itu, berlaku perkembangan dalam kalangan ahli komuniti. Melalui penglibatan komuniti dalam homestay memudahkan mereka untuk lebih faham dan bekerjasama antara satu sama lain dalam memajukan komuniti kampung Pinagon Baru. Kementerian Pelancongan Malaysia (dahulu dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia) telah memperkenalkan Program Homestay dalam tahun 1988 sebagai salah satu bentuk penginapan alternatif yang ditawarkan kepada pelancong.

*“Sebab kami dari kosongkan. Jadi bila aaar homestay diperkenalkan di tempat kami. Jadi sebelum ni yang kami tau homestay ni macam kita dengar dibandar kan, bagi saya lah yang pernah saya dengar homestay kita sediakan rumah dan orang itu akan masuk saja tanpa family atau tuan rumah tu kan, rupa-rupanya homestay tu kena tinggal dengan sekeluarga jadi bila kita suda terima pelancong yang mau tinggal dengan keluarga kita baru, atau baru terbuka mata oooo rupa-rupanya homestay macam ni kita kena bersama dengan pelancong itu.”*

(Jobita 45, 23 Feb 2020)

Kampung Pinagon Baru mempunyai pemandangan yang berpotensi untuk dimajukan. Perkembangan program homestay di kampung Pinagon Baru jelas terlihat apabila terdapat banyak aktiviti yang berasaskan ekopelancongan dilaksanakan. Keunikan yang terdapat dikampung Pinagon Baru adalah aktiviti ekopelancongan yang menjadi produk utama yang menjadi pilihan pelancong datang untuk melihat pemandangan alam semula jadi.

*“Pandangan saya homestay berasaskan ekopelancongan disini, dia punya potensi untuk dimajukan lebih maju lagi. Sekarang kami disini bukan terlibat tiga kampung tapi suda tiga belas buah kampung. Jadi sekarang selain daripada kampung ini selain daripada kampung ini banyak kampung lain yang suda bersedia”*

(Saidin 55, 23 Feb 2020)

Seterusnya pakej yang terdapat di *homestay* kampung Pinagon baru juga sangat berbaloi dengan pelbagai aktiviti ekopelancongan yang dijalankan. Kebanyakan aktiviti yang dilakukan oleh pelancong merupakan aktiviti harian yang biasa dilakukan oleh komuniti kampung Pinagon Baru. Pada pendapat komuniti kampung Pinagon Baru mereka yakin bahawa kawasan persekitaran tempat tinggal mereka mempunyai potensi untuk dimajukan dalam homestay berasaskan ekopelancongan. Perkara yang penting adalah kelebihan kampung Pinagon Baru yang dapat memperkenalkan keindahan alam semula jadi kepada pelancong yang datang. Oleh itu melalui penglibatan komuniti dalam homestay berasaskan ekopelancongan mampu untuk mengekalkan dan memulihara alam semula jadi yang terdapat dikampung Pinagon Baru. Kebimbangan yang semakin ketara terhadap ancaman kemusnahan sumber alam sekitar dan warisan budaya melalui aktiviti pelancongan mencetuskan keutamaan penggunaan pendekatan pembangunan mampan dalam konteks penggubalan polisi, perancangan dan pembangunan pelancongan, Kalsum Kayat, 2006.

Melalui penglibatan komuniti dalam homestay berasaskan ekopelancongan membolehkan komuniti untuk menghidupkan semula cara hidup tradisional yang telah lama ditinggalkan dan dilupakan. *Sustainable Development* adalah bahagian dari pembangunan berkelanjutan dengan mempertimbangkan keperluan pada saat ini dengan tidak mengabaikan keperluan generasi yang akan datang.

Antara faktor yang mendorong komuniti kampung Pinagon Baru terlibat dalam homestay adalah untuk mengubah kehidupan kearah yang lebih baik adalah dengan berusaha dalam mengubah nasib hidup. Dengan kehidupan yang sederhana, komuniti tidak berputus asa. Walaupun hidup dalam sederhana mereka ini bersyukur dan sentiasa ingin memajukan kampung Pinagon Baru.

*“Memang aaa klau kita suda kena kasi dengan pelancong memang mendapatkan pendapatan. Tapi belum lagi melibatkan semua laa hahahhahaa”*

(Loimon 58, 23 Feb 2020)

Apabila pelancong sampai ke kampung Pinagon Baru, maka dengan ini komuniti akan dapat pendapatan. Komuniti akan mendapatkan pendapatan melalui penglibatan dalam melaksanakan aktiviti berasaskan ekopelancongan yang telah ditetapkan dalam aktiviti *homestay*. Selain daripada itu, Kebudayaan seperti tarian tradisional merupakan suatu persembahan yang paling mudah sebagai produk pelancongan yang akan

dipersembahkan kepada pelancong yang datang. Lain daripada itu, pakaian tradisional komuniti Dusun juga merupakan produk yang akan diperkenalkan kepada pelancong.

*“Membawa itu kanak mengenali dan apatu budaya semakin hilang suda, kadang-kadang ada budak yang tidak tau apa itu budaya yang adakan, jadi kita memperkenalkan melalui persembahan-persembahan begitu.”*

(Jobita 45, 23 Feb 2020)

Komuniti kampung Pinagon Baru sangat gembira apabila pakaian tradisional mereka mulai dikenali oleh pelancong luar. Bukan itu sahaja, pelancong turut berpeluang untuk memakai pakaian tradisional komuniti Dusun. Mengekalkan tradisi adat dan budaya adalah satu faktor komuniti terlibat dalam homestay. Kenyataan ini merupakan antara salah satu faktor penglibatan komuniti dalam homestay. Masih banyak faktor yang menyebabkan komuniti terlibat dalam homestay berasaskan ekopelancongan. Komuniti di kampung Pinagon Baru ingin membawa satu perubahan yang dapat membantu seluruh komuniti kampung Pinagon Baru dalam meningkatkan taraf hidup.

Lain daripada itu, tahap yang dapat mengukur sejauhmanakah komuniti yang terlibat dalam program homestay berasaskan tahap penglibatan komuniti adalah dengan *typology Pretty* 1998. Berdasarkan perspektif pendekatan tipologi oleh *pretty* 1995, tahap penglibatan komuniti kampung Pinagon Baru dalam homestay berasaskan ekopelancongan adalah penglibatan interaktif. Penglibatan interaktif merupakan Penduduk terlibat dalam analisis projek dan pembentukan pelan tindakan. Penglibatan dilihat sebagai satu hak, bukan hanya sebagai ejen untuk mencapai matlamat projek. Kumpulan perancang mengawal keputusan penduduk tempatan dan menentukan bagaimana sumber yang ada digunakan. Dengan itu, mereka mempunyai kepentingan dalam memastikan struktur dan kaedah dipatuhi.

Hubungan diantara syarikat *Borneo Eco Tour* dan komuniti kampung Pinagon Baru, komuniti mempunyai hak dalam pelaksanaan *homestay* berasaskan ekopelancongan. Manakala syarikat *Borneo eco* merupakan syarikat yang memberikan cadangan kepada ahli komuniti kampung Pinagon Baru melaksanakan *homestay*. Tahap penglibatan komuniti adalah penting dalam menjayakan *homestay* berasaskan ekopelancongan. Penglibatan komuniti di kampung Pinagon Baru adalah secara holistik dalam mementingkan kemajuan *homestay* disamping menjaga alam sekitar serta budaya komuniti.

Dalam pelaksanaan program homestay pasti mengalami pelbagai cabaran dari awal pelaksanaan homestay. Dalam setiap perkara yang dilakukan pasti mempunyai perkara yang susah dan senang. Begitulah juga untuk pengusaha *homestay* serta komuniti kampung Pinagon Baru yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam program homestay. Cabaran yang dibincangkan adalah aspek yang sangat berkaitan dengan keperluan homestay. Oleh itu, banyak aspek yang perlu diambil kira dalam penyelesaian. Secara umum pelbagai faktor yang mempengaruhi komuniti kampung Pinagon Baru dalam berhadapan dengan orang ramai. Oleh itu, terdapat pelbagai permasalahan yang menjadi cabaran kepada pengusaha homestay serta komuniti kampung Pinagon Baru.

Cabaran yang pertama merupakan cabaran yang sangat umum. Apabila kita mula dalam sesuatu perkara perasaan malu berdepan dengan orang baru adalah sangat berbeza. Terutamanya pelancong yang datang daripada luar negara. Pada mulanya homestay, secara keseluruhan komuniti kampung Pinagon Baru mempunyai perasaan malu untuk berhadapan dengan orang luar.

*“Sekarang kita berkaitan dengan cabaran suda, iyaa cabaran kan pada mulanya cabaran disini kebanyakan orang malu bah, pemalu kalau ada pelancongan terutamanya orang putih kan hilang semua orang hahaha, tidak juga kasi keluar sikit saja, jadi apabila sekarang terbiasa suda.”*

(Saidin Lotupas 54, 23 Feb 2020)

Bagi komuniti kampung Pinagon Baru bahasa merupakan bahasa merupakan cabaran kedua semasa awal pelaksanaan homestay di kampung Pinagon Baru. Bukan sahaja komuniti setempat yang mengalami cabaran ini, pengusaha homestay turut mengalami keadaan yang sama. Hal ini demikian kerana, komuniti terpaksa berinteraksi dalam bahasa yang berbeza-beza.

Cabaran yang seterusnya merupakan kesukaraan meningkatkan kedatangan pelancong, hal ini demikian kerana cabaran ini merupakan aspek yang menentukan kedatangan pelancong ke kampung Pinagon Baru. Pada peringkat awal *homestay* di Kampung Pinagon Baru pelancong yang datang tidak begitu ramai. Oleh itu pengusaha homestay di kampung Pinagon Baru berharap komuniti kampung Pinagon Baru dapat bersama-sama meningkatkan kedatangan pelancongan. Pengusaha homestay beserta komuniti kampung Pinagon Baru berusaha untuk terus meningkatkan kedatangan pelancong dengan menambah beberapa aktiviti permainan tradisional yang menarik.

*“Cuma cabaranya sekarang mencari alternative macam mana meningkatkan pelancongan yang paling penting sekarang adalah pendapatan sebab kalau mau dapat pendapatan harian, pelancong bukan hari-hari disini satu-satunya kan.”*

(Martin Lotupas 54, 23 Feb 2020)

Selain itu, cabaran sistem komunikasi maklumat dan media massa yang terhad merupakan antara cabaran, Umum mengetahui kawasan kampung Pinagon Baru merupakan kawasan yang jauh dengan kawasan Bandar. Oleh itu ketersampaian rangkaian internet adalah sukar untuk dicapai. Dalam membincang beberapa isu yang menjadi cabaran kepada pelaksanaan homestay berasaskan ekopelancongan. Kesampaian rangkaian komunikasi adalah sangat sukar untuk sampai ke kampung Pinagon Baru.

*“ni cabaran dia. hahahahahaha belum lagi apa itu Komunikasi, itu cabaran utama dia. Macam dorang suda kasi send sms ka, whastsapps kan bila itu pelancong mau datang di Tamparuli baru tau astagaa carilaa kawan di ladang harini ada orang mau datang, itulah cabaran komunikasi. tpi cabaran ini tidak lama lagi dapat diatasi laa ada satu pemancar yang dibuat disini, Pukak pun ada satu jadi harap-harap laa. Ini cabaran kami dalam perhubungan.”*

(Saidin Lotupas 54, 23 Feb 2020)

Cabaran seterusnya adalah perubahan iklim dan musim hujan keadaan banjir turut terjadinya kerosakan pada jambatan. Oleh itu, keadaan ini akan menyukarkan pengusaha homestay untuk mengambil pelancong. Dalam keadaan hujan lebat kendaraan yang digunakan sukar untuk menghantar pelancong sampai ke kampung Pinagon Baru. Keadaan ini menyebabkan bas terpaksa berhenti di seberang. Oleh itu barang-barang pelancong yang besar akan diangkat oleh pengusaha *homestay* bersama komuniti kampung Pinagon yang terlibat secara aktif. Inisiatif yang lain adalah pengusaha homestay menyarankan pelancong untuk mengambil barang keperluan untuk dibawa ke *homestay*.

*“Cabaran dia kadang-kadang ini masalah geografi kan kadang-kadang ini kampung ada banjir kadang-kadang jambatan kami ada rusak. Ada sukar sikit untuk aar kami ambil itu pelancong. Bas parking di seberang semua barang besar terpaksa kami pikul barang dia. Atau kami suruh ambil barang-barang yang perlukan sajalaa. Hahahahah”*

(Martin Lotupas 55, 23 Feb 2020)

Pelaksanaan homestay berasaskan ekopelancongan suda tentu mempunyai cabaran tertentu yang dapat memberikan impak kepada pelaksanaan program. Namun demikian setakat ini hampir kesemua cabaran yang dihadapi dapat diatasi dengan sangat baik.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, Kampung Pinagon Baru merupakan salah satu perkampungan di Ulu Kiulu, Tuaran Sabah yang mempunyai potensi yang sangat besar dalam homestay berasaskan ekopelancongan. Potensi yang hadir adalah secara semula jadi yang menjadikan kampung Pinagon Baru menjadi salah satu tempat ekopelancongan. Persekitaran kampung Pinagon Baru adalah dalam keadaan yang tenang. Dengan kehadiran komuniti yang hidup dalam keadaan yang sangat harmoni.

Faktor penglibatan ahli komuniti dan aktiviti ekopelancongan, tahap penglibatan komuniti dalam homestay berasaskan ekopelancongan dan cabaran aktiviti ekopelancongan yang dilaksanakan oleh komuniti tempatan di kampung pinagon baru, Ulu Kiulu, Tuaran Sabah terhadap ekopelancongan. Terdapat banyak faktor yang menyebabkan komuniti terlibat dalam homestay berasaskan ekopelancongan. Komuniti

di kampung Pinagon Baru ingin membawa satu perubahan yang dapat membantu seluruh komuniti kampung Pinagon Baru dalam mengekalkan budaya dan meningkatkan taraf hidup. Menjadi salah satu faktor kepada penglibatan komuniti dalam homestay. Seterusnya, tahap penglibatan komuniti kampung Pinagon Baru dalam homestay berasaskan ekopelancongan adalah penglibatan interaktif. Cabaran yang dihadapi oleh komuniti yang terlibat dalam homestay turut dapat di selesaikan secara perlahan-lahan.

## RUJUKAN

### *Rujukan Artikel*

- Bin Abdullah, M. S., Nor, M. M., Yusof, A. R. B. M., & Husain, F. B. C. (2017). *Konsep komuniti dan perkembangannya: Suatu tinjauan kritikal terhadap penggunaannya*. E-BANGI, 12(3), 1-15
- Bogdan, R. C. (2003). Biklen., SK (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theories and methods*, 4.
- Ceballos-Lascurain H (1996) *Tourism, ecotourism and protected areas*. Gland, IUCN, Switzerland.
- Kayat, K., & Nor, N. A. M. (2006). *Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah (Community Members Involvement in Community Development Programme: Homestay Programme in Kedah)*. Akademika, 67(1)
- Rosazman Hussin dan Velan Kunjuraman (2014). *Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space 10 issue 3 (160-174)
- Tosun, C. (2000). Limit to Community Participation in the Tourism; Development Process in Developing Countries. *Tourism Management*. 21: 613-633.
- Timothy, D. J. (Ed.). (2017). *Managing heritage and cultural tourism resources: Critical essays*, Volume one. Routledge
- Spicker, P. (1995). R. Smith, J. Raistrick (eds.), *Policy and Change, School for Advanced Urban Studies*, Bristol, 1994, ix+ 442 pp., paper 14.95. *Journal of Social Policy*, 24(2), 294-295.
- Yong Pauline Pau Lin (2010) *Penyertaan komuniti dalam aktiviti pelancongan dan homestay di kampung Pukak, Kiulu, Sabah*.

*Chapter dalam buku*

Kalsom Kayat dan Nor Ashikin. 2005. *Penglibatan Komuniti Dalam Pelancongan*. Kedah: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Scheyvens, R. 2002. *Tourism for Development: Empowering Communities*. London: Pearson Education Limited.

Stewart, A. (2014). *Qualitative methodology: A practical guide*. Thousand Oaks, CA.

**Temu Bual**

- i. Martin Lotupas, 55 Tahun, ketua kampung dan ketua homestay kampung Pinagon Baru Ulu, Kiulu, Tuaran, Sabah. 23 Feb 2020.
- ii. Saidin Lotupas, 54 Tahun, field coordinator, penyelaras lapangan homestay kampung Pinagon Baru Ulu, Kiulu, Tuaran, Sabah. 23 Feb 2020.
- iii. Jobita, 45 Tahun, Peserta homestay kampung Pinagon Baru Ulu, Kiulu, Tuaran, Sabah. 23 Feb 2020.
- iv. Loimon Lotupas, 58 Tahun. Penduduk kampung Pinagon Baru Ulu, Kiulu, Tuaran, Sabah. 23 Feb 2020.